

Baca petikan dan jawab soalan berdasarkan petikan.

(Rujuk Buku Teks muka surat 57)

**Membaca**
Baca petikan di bawah.

Guru Kesayangan Saya

Saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah. Cikgu Rahmah baru berpindah ke sekolah saya. Beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Cikgu Rahmah seorang yang **tegas** tetapi baik hati. Beliau juga seorang yang mudah mesra. Beliau selalu memberikan nasihat tentang masa depan dan **kerjaya** sewaktu di dalam kelas.

Cikgu Rahmah seorang guru yang **komited**. Beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan **prestasi** anak didiknya. Saya suka akan cara beliau memberikan penerangan sewaktu mengajar. Sekiranya terdapat keraguan sewaktu menyelesaikan latihan, beliau sedia membantu.

Cikgu Rahmah sanggup **meluangkan** masa membantu saya dan rakan-rakan untuk menyelesaikan apa-apa jua masalah. Kami amat menghormati beliau. Benarlah kata **pujangga** guru ibarat lilin yang sanggup membakar diri untuk menerangi orang lain.



4

Jawab soalan dan pilih jawapan yang betul.

1. Siapakah nama guru Bahasa Melayu dalam petikan di atas?

- | | |
|-----------------|-----------------|
| A. Cikgu Rahmah | C. Cikgu Normah |
| B. Cikgu Salmah | D. Cikgu Rahman |

2. Berikut antara perwatakan Cikgu Rahmah kecuali?

- | | |
|------------|----------------|
| A. Tegas | C. Baik hati |
| B. Sombong | D. Mudah mesra |

3. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan '**komited**' dalam petikan di atas?

- A. Leka
- B. Bertanggungjawab

4. Berdasarkan petikan, apakah perkara-perkara yang sanggup dilakukan oleh Cikgu Rahmah untuk murid-muridnya?

- A. Cikgu Rahmah sanggup membawa ke klinik apabila sakit.
- B. Cikgu Rahmah sanggup meluangkan masa untuk membantu murid-muridnya yang menghadapi masalah.

5. Berikut adalah cara-cara membalas jasa guru **kecuali**?

- A. malas belajar
- B. mendengar arahan guru